

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI B YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

KARNIVAL ORANG ASLI 2016

**DI MUZIUM ORANG ASLI JELI,
KELANTAN**

**29 OGOS 2016, ISNIN
WAKTU KETIBAAN : 3.00 PETANG**

Bismillahirrahmannirrahim,
Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama memanjatkankan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izinNya, kita telah diberi ruang dan kesempatan pada hari yang mulia ini untuk bersama-sama hadir ke Karnival Orang Asli yang bertemakan “Budaya & Seni Pemangkin Perpaduan.

2. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan penghargaan kepada JAKOA Malaysia kerana kesudian menjemput saya untuk merasmikan karnival ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Kemerdekaan yang ke 59 buat tanah air yang tercinta ini Malaysiaku #sehatisejiwa.

3. Tidak lupa juga kepada masyarakat Orang Asli di Daerah Jeli ini yang hadir bagi meraikan Karnival ini. Saya amat gembira kerana dapat bertemu dengan tuan-tuan dan puan-puan. Semoga Karnival Orang Asli yang dianjurkan JAKOA ini akan memberikan pendedahan kepada masyarakat umum mengenai keunikan budaya dan kesenian masyarakat Orang Asli.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. JAKOA yang bertindak sebagai agensi yang menggerak kemajuan masyarakat Orang Asli di Malaysia telah mengeluarkan peruntukan yang besar bagi membawa kemajuan pembangunan ekonomi, infrastruktur, modal insan dan pendidikan kepada masyarakat Orang Asli.

5. Jika kita lihat, Kampung Orang Asli sekitar daerah Jeli ini juga tidak ketinggalan dalam menikmati kemajuan pembangunan yang disediakan pihak kerajaan. Telah banyak kemajuan yang diterima masyarakat disini melalui bantuan pihak Kerajaan Pusat.

6. Suka untuk saya nyatakan disini bahawa kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan asas untuk memastikan masyarakat Orang Asli di 4 buah kampung dalam daerah Jeli ini berada dalam keadaan selesa dan dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik. Antara kemudahan asas yang telah dibina sebelum ini ialah seperti kemudahan jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air, bantuan rumah PBR, dewan Serbaguna, sekolah dan padang awam. Hingga kini, pihak JAKOA telah membelanjakan sejumlah RM1 juta dalam pembangunan masyarakat Orang Asli di Jeli ini.

7. Dari aspek pendidikan pula, saya dimaklumkan bahawa terdapat seramai 42 pelajar diperingkat Tabika, 127 pelajar di sekolah rendah dan 69 pelajar di sekolah menengah. Saya selaku Menteri bagi masyarakat Orang Asli akan memastikan bahawa segala keperluan dan bantuan pendidikan akan terus disalurkan kepada

masyarakat Orang Asli di daerah Jeli ini. Kita mahukan pelajar-pelajar Orang Asli di daerah Jeli ini cemerlang seperti mana masyarakat Orang Asli yang lain.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Saya turut dimaklumkan bahawa Karnival Orang Asli yang diadakan ini merupakan program tahunan yang dilaksanakan pihak JAKOA. Saya yakin dengan penganjuran karnival seperti ini kita dapat membawa seni budaya masyarakat Orang Asli ke arus perdana dengan keunikan warisan budaya yang terdapat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia ini.

9. Saya turut tertarik kerana uniknya di daerah Jeli ini terdapat sebuah Muzium Orang Asli. Saya percaya keunikan Muzium Orang Asli Jeli ini tidak terdapat di kawasan-kawasan penempatan Orang Asli yang lain. Saya berharap agar Muzium Orang Asli Jeli ini digunakan sebagai platform bagi mempromosikan seni budaya Orang Asli. Perbanyakkan program dan aktiviti di Muzium Orang Asli ini agar masyarakat umum mengetahui akan kewujudan sebuah Muzium mengenai masyarakat Orang Asli di daerah Jeli ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. Suka saya nyatakan disini bahawa tarikh 31 Ogos diabadikan saban tahun sebagai tarikh penuh bersejarah bagi seluruh rakyat Malaysia sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara. Namun, slogan atau laungan merdeka dan cuti umum tidak membawa apa-apa kesan jika rakyat tidak menghayati dengan penuh kesedaran dan kesyukuran nilai kemerdekaan yang sebenarnya. Inilah yang cuba dilakukan pihak JAKOA bagi menerapkan nilai-nilai kemerdekaan dalam jiwa masyarakat Orang Asli.

11. Sebagaimana yang saya jelaskan tadi, penghayatan kemerdekaan bukan sekadar melaung-laungkan perkataan merdeka. Ia merupakan penghayatan dan pemahaman maksud serta kepentingan mempertahankan kemerdekaan yang dikecapi.

12. Erti kemerdekaan bukan bermaksud bebas daripada cengkaman penjajah semata-mata, malah kebebasan minda daripada terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang mahu melihat berlakunya perpecahan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia.

13. Kemerdekaan telah mengangkat maruah dan kedaulatan negara. Ia adalah sesuatu yang tidak boleh dijual beli. Rakyat Malaysia yang cintakan negara wajar memelihara nama baik negara di mana sahaja mereka berada. Dari sudut keselamatan, maruah dan kedaulatan negara bukan sahaja dipikul oleh anggota keselamatan tetapi turut dipikul bersama oleh seluruh rakyat.

14. Kemerdekaan ini bukanlah takdir semata-mata tetapi adalah hasil usaha pejuang dan pemimpin terdahulu. Masyarakat Orang Asli juga turut memainkan peranan yang penting dalam sejarah kemerdekaan negara. Malahan, ketika era darurat di mana Pasukan Senoi Praaq amat digeruni oleh pengganas komunis. Inilah sumbangan masyarakat Orang Asli terhadap negara.

15. Saya percaya setelah 59 tahun negara mencapai kemerdekaan dan selama 62 tahun JAKOA diwujudkan untuk masyarakat Orang Asli, kerajaan terus berusaha dengan gigih bagi memastikan keperluan masyarakat Orang Asli dalam setiap aspek prasarana, ekonomi, pendidikan dan kebajikan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin berpesan agar kita semua menghayati nilai-nilai kemerdekaan negara. Berilah sokongan kepada pihak kerajaan sedia ada kerana dengan sokongan anda kerajaan yang stabil akan mampu memberikan pekhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

17. Akhir kata, dengan lafaz Bismilahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Karnival Orang Asli 2016.

Sekian, terima kasih. Wabillahi Taufik Wal Hidayah Assalamualaikum WBT.